

FAKTOR-FAKTOR YANG MEMPENGARUHI KESEDARAN PEKERJA TERHADAP AMALAN KESELAMATAN PEKERJAAN: KAJIAN KES DI SEBUAH SYARIKAT LOGISTIK

**Siti Nakiah Mohd Shaain,
Noor Raudhiah Abu Bakar, &
Azharuddin Hashim**

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)
Bandar Seri Putra Selangor

ABSTRAK

Kajian ini membincangkan tahap kesedaran pekerja terhadap amalan keselamatan di salah satu syarikat logistik di Shah Alam. Tujuan kajian ini dilakukan adalah untuk mengenalpasti tahap kesedaran pekerja terhadap amalan keselamatan di syarikat Logistik. Kajian ini juga bertujuan untuk mengenalpasti kekuatan hubungan signifikan antara faktor polisi keselamatan, latihan keselamatan serta jawatankuasa keselamatan dan kesihatan pekerjaan (JKKP) terhadap tahap kesedaran pekerja terhadap amalan keselamatan. Data diperolehi melalui soal selidik dan seramai 100 orang pekerja telah menjawab borang- soal- selidik tersebut. Hasil kajian menunjukkan hanya satu faktor yang mempunyai hubungan signifikan yang positif iaitu polisi keselamatan yang mempengaruhi tahap kesedaran pekerja terhadap amalan keselamatan berbanding latihan keselamatan dan jawatankuasa keselamatan dan kesihatan pekerja (JKKP) yang menunjukkan hubungan signifikan yang lemah dan tidak mempengaruhi tahap kesedaran pekerja terhadap amalan keselamatan. Di penghujung kajian turut dibincangkan beberapa cadangan untuk meningkatkan tahap kesedaran pekerja terhadap amalan keselamatan.

Kata kunci: Kesedaran; Amalan Keselamatan; Latihan Keselamatan; Polisi Keselamatan; Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP)

1. LATAR BELAKANG

NIOSH (2000) mendefinisikan keselamatan dari segi pekerjaan adalah suasana pekerjaan yang bebas daripada bahaya kemalangan bukan hanya untuk orang yang bekerja tetapi juga kepada orang awam yang akan menjejaskan aktiviti pekerjaan yang dijalankan. Menurut Hapriza (2007), Keselamatan dan kesihatan di tempat kerja merupakan satu isu penting dan ianya berkait rapat dengan keselamatan dan kesihatan masyarakat serta kepada individu yang berada persekitaran. Holt (2005) memberikan takrifan mengenai keselamatan sebagai ketiadaan bahaya, ketiadaan ruang yang membantu mewujudkan suasana bahaya serta sebagai satu tahap perlindungan dan keadaan yang tiada berisiko. Ini jelas menunjukkan keselamatan merupakan aspek terpenting dalam sesebuah organisasi bagi mewujudkan suasana kerja yang selamat serta bebas dari risiko berlakunya kemalangan.

Ali et al. (2009) menyatakan mengenai keselamatan dan kesihatan turut menjadi agenda yang utama sesebuah organisasi kerana disadari bahawa persekitaran yang selamat dan tidak mendatangkan risiko adalah hal yang penting kepada semua pekerja. Pekerjaan yang berisiko berlakunya kemalangan menyebabkan masalah yang serius terhadap organisasi dan meningkatkan kos terhadap industri serta negara. Selain itu, keselamatan dan kesihatan di tempat kerja juga perlu diambil serius dalam memastikan tiada risiko yang akan mengakibatkan kemalangan dan memberi kesan kepada pekerja syarikat dan kawasan persekitaran (Syariha, 2013)

Oleh itu, kerajaan telah menubuhkan Akta Keselamatan dan Kesihatan pekerjaan 1994 (AKPP 1994) dengan beberapa tujuan. Antaranya adalah untuk memastikan kesihatan, keselamatan dan kebajikan pekerja di tempat kerja, melindungi keselamatan dan kesihatan orang lain pekerja yang berada ditempat kerja, mempromosikan persekitaran pekerjaan yang sesuai dengan kehendak psikologi dan fisiologi serta mewujudkan satu kaedah ke arah sistem perundangan berdasarkan peraturan dan tata amalan industri.


Tan Sri Datuk Seri Lee Lam Thye, Pengerusi Institut keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH), berkata, isu pembudayaan kerja selamat (*safety culture*) memerlukan perhatian dari seluruh pihak samada majikan ataupun pekerja. Baginya, budaya tidak berupaya dibentuk dalam masa yang singkat kerana menurut beliau, adalah sukar untuk mencapai sasaran kemalangan kerana budaya keselamatan bukanlah amalan sedia ada dalam masyarakat di Malaysia.

Kesimpulannya, kesedaran tentang amalan keselamatan merupakan suatu perkara yang penting kepada majikan dan pekerja bagi memastikan keselamatan di tempat kerja terjamin serta mengurangkan risiko kemalangan di tempat kerja.

Berdasarkan Jadual 1.1, kemalangan dalam sektor pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi yang mencatatkan jumlah kemalangan maut sebanyak 9 kes, diikuti tanpa hilang upaya kekal (THUK) sebanyak 59 kes dan hilang upaya kekal (HUK) sebanyak 2 kes. Hal ini disebabkan hampir keseluruhan sektor pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi menggunakan alatan jentera seperti kontena dan forklif dan serta peralatan mesin dalam kerja mereka yang mengundang bahaya akibat dari pelbagai faktor.

Dilley dan kleiner (1996 dalam kajian Nur Fazreen, 2013) mendapati bahawa hampir 85% hingga 98% kecederaan yang berlaku di bengkel berpunca dari kelakuan tidak selamat yang dilakukan oleh sebahagian individu yang tidak peka akan bahaya risiko kecederaan. Hal ini jelas menunjukkan bahawa kesedaran keselamatan menjadi aspek yang penting dalam memastikan keselamatan di bengkel terjaga. Kesedaran pekerja amat penting kerana dengan adanya kesedaran maka pekerja akan mematuhi peraturan keselamatan dan seterusnya mengurangkan kemalangan. Kajian ini mengkaji kesedaran pekerja di Logistik kerana statistik kelayakan agak tinggi.

Rajah 1.1: Kemalangan pekerjaan mengikut sektor bagi tahun 2014 (disiasat)



(Sumber : www.dosh.gov.m)

Syarikat logistik mencatatkan statistik bagi bulan Jan 2015 dalam Jadual 1.2 dibawah:

Jadual 1.1: Statistik deskripsi kemalangan di logistik

Tahun	Jumlah kes	Deskripsi kemalangan
Jan 2015	8	<p>Kes 1: Pemandu lori melanggar kenderaan lain yang berhenti secara mengejut.</p> <p>Kes 2: Lori bergesel dengan kereta di perkarangan KLB.</p> <p>Kes 3: Kenderaan lain melanggar belakang lori di perkarangan KLB.</p> <p>Kes 4: Kontena jatuh di premis pelanggan.</p> <p>Kes 5: Tayar lori pecah dan pekerja lain melanggar serpihan tayar tersebut.</p> <p>Kes 6: Geseran dengan tempat letak trailer di perkarangan KLB.</p> <p>Kes 7: Pemandu melanggar dinding di premis pelanggan dan menyebabkan kerosakan.</p> <p>Kes 8: Kontena menggelongsor secara tiba-tiba dari kedudukan asal dan menimpa lori yang sedang mengundur.</p>

Tidak dapat dinafikan bahawa kemalangan di tempat kerja ini suatu perkara yang tidak dapat dijangka serta dikawal, namun ia bukanlah alasan kepada majikan untuk mengabaikan dan tidak mempedulikan segala aspek yang berkaitan dengan keselamatan di tempat kerja (Mustazar Mansur & Ho Shu Peng, 2009). Thye (2012) dalam kajiannya menyatakan, semua pihak haruslah memainkan peranan masing-masing serta tidak mementingkan diri sendiri supaya kes kemalangan dapat dielakkan.

Terdapat banyak faktor yang mempengaruhi kesedaran pekerja dalam keselamatan dan kajian ini telah mengenalpasti tiga faktor utama yang dijangka akan mempengaruhi kesedaran keselamatan oleh pekerja. Tiga faktor tersebut adalah polisi keselamatan, latihan keselamatan dan jawatankuasa keselamatan. Walaupun begitu, hasil kajian lepas

dilihat tidak konsisten. Kajian terhadap faktor utama yang mempengaruhi tahap kesedaran pekerja akan membolehkan syarikat mengambil langkah yang lebih baik bagi meningkatkan kesedaran dan seterusnya mengurangkan kemalangan di tempat kerja. Dengan hasil kajian ini, di harap dapat memupuk minat pekerja untuk mempelajari aspek keselamatan di tempat kerja dengan lebih mendalam bagi mengelakkan sebarang kemalangan yang tidak diigini serta memberi kesedaran terhadap pekerja tentang pentingnya menjaga keselamatan. Langkah berjaga-jaga haruslah diambil oleh semua pekerja bagi mengurangkan risiko kemalangan di tempat kerja.

Oleh itu, objektif kajian ini ialah mengkaji hubungan polisi keselamatan dengan tahap kesedaran pekerja, latihan keselamatan, Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKPP) terhadap amalan keselamatan di tempat kerja serta Mengenalpasti langkah-langkah yang boleh diambil bagi meningkatkan tahap kesedaran pekerja terhadap amalan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tempat kerja.

2. PEMBENTUKAN HIPOTESIS

Tiga hipotesis dibentuk dalam kajian ini bagi menjawab persoalan kajian ditunjukkan dalam jadual dibawah:

Jadual 2.1: Hipotesis kajian

HIPOTESIS KAJIAN	
Hipotesis 1	Terdapat hubungan positif antara polisi keselamatan dengan kesedaran terhadap amalan keselamatan dan kesihatan di tempat kerja.
Hipotesis 2	Terdapat hubungan positif antara latihan keselamatan dengan kesedaran terhadap amalan keselamatan dan kesihatan di tempat kerja.
Hipotesis 3	Terdapat hubungan positif antara jawatankuasa keselamatan dan kesihatan dengan kesedaran terhadap amalan keselamatan dan kesihatan di tempat kerja.

3. METODOLOGI KAJIAN

Pemilihan Sampel

Kajian ini adalah berbentuk kuantitatif. Data dikumpulkan dengan cara mengedar borang kaji selidik kepada pekerja di Konsortium Logistik Berhad (KLB) di Shah Alam. Borang soal kaji selidik merupakan teknik pengumpulan data yang dipilih dalam kajian ini. Dalam kajian ini, seramai 350 pekerja merupakan populasi kajian dan daripada jumlah ini, seramai 100 orang dipilih menjadi responden di Logistik Shah Alam Penentuan saiz sample yang berpadanan dengan saiz populasi diambil berdasarkan Krejcie & Morgan (1970). Dalam kajian ini, kaedah persampelan yang diguna pakai adalah kaedah persampelan rawak bersahaja dimana kaedah ini dikatakan mampu meningkatkan maklumat yang diperolehi bagi suatu kos yang diberi, Nur Atikah (2013).

Sejumlah 150 borang kaji selidik telah dihantar kepada pekerja di Logistik. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 100 (66.7%) borang kaji selidik telah dikembalikan dalam keadaan lengkap dan digunakan kesemuanya untuk analisis ini.

4. PENGUKURAN PEMBOLEHUBAH

Di dalam kajian ini terdapat satu pemboleh ubah bersandar dan tiga pemboleh ubah tidak bersandar. Pemboleh ubah yang bersandar terdapat dalam kajian ini adalah kesedaran amalan keselamatan di tempat kerja, manakala pemboleh ubah tidak bersandar pula adalah polisi keselamatan, latihan keselamatan dan jawatankuasa keselamatan dan kesihatan pekerjaan (JKKP). Skala likert yang terdiri dari lima skala digunakan bagi mengukur pemboleh ubah yang bermula dari skala yang rendah sehingga skala yang tinggi. Hasil kebolehpercayaan data ditunjukkan dalam Jadual 4.1 dibawah:

Jadual 4.1: Hasil ujian kebolehpercayaan

Pemboleh ubah	Bilangan item	Cronbach Alpha
Polisi Keselamatan	7	0.792
Latihan Keselamatan	7	0.787
Jawatankuasa keselamatan dan kesihatan pekerjaan	7	0.849
Tahap Kesedaran	7	0.866

Jadual 4.1 diatas menunjukkan nilai cronbach alpha bagi setiap pemboleh ubah bagi mengukur kebolehpercayaan setiap data. Pengukuran pemboleh ubah bagi polisi keselamatan menunjukkan nilai cronbach alpha 0.792. Hasil bagi pemboleh ubah latihan keselamatan pula mendapat nilai cronbach alpha sebanyak 0.787. Bagi pemboleh ubah jawatankuasa keselamatan dan kesihatan pekerjaan (JKKP) nilai cronbach alpha mencatat nilai 0.849 manakala bagi pemboleh ubah bersandar pula mempunyai nilai cronbach alpha sebanyak 0.866. Kesemua nilai cronbach alpha menunjukkan nilai lebih dari 0.7 maka kesemua pemboleh ubah boleh dipercayai dan relevan.

5. HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Profil Responden

Majoriti umur responden dalam kalangan 22 hingga 32 tahun iaitu sebanyak 60 (60%) orang responden. Kemudian responden berumur 33 hingga 43 tahun adalah seramai 29 (29%) orang diikuti responden yang berumur sekitar 17 hingga 21 tahun sebanyak 7 (7%) orang responden. Manakala jumlah paling sedikit adalah responden berumur 43 tahun dan keatas iaitu seramai 4 (4%) orang responden. Taburan jenis jantina dalam kajian ini yang dibahagikan kepada dua bahagian. Tiada perbezaan yang terlalu ketara dari segi responden lelaki dan wanita kerana dapat responden lelaki adalah sebanyak 51 (51%) manakala responden perempuan adalah seramai 49 (49%) orang responden. Ini berkemungkinan disebabkan kos sara hidup yang semakin meningkat memerlukan pekerja perempuan untuk bekerja demi menampung keperluan hidup.

Tempoh perkhidmatan pula mencatatkan jumlah tertinggi 44 (44.0%) responden yang berkhidmat selama lima hingga sepuluh tahun, diikuti 32 (32.0%) responden sebanyak

satu hingga lima tahun, 15 (15.0%) responden dalam tempoh 11 hingga 15 tahun, 7 (7.0%) pada tempoh setahun dan 7 (7.0%) responden berkhidmat untuk tempoh 15 hingga 20 tahun. Majoriti responden adalah berkelulusan SPM dengan jumlah 65 (65.0%). sebanyak 27 (27.0%) pula mempunyai STPM, 3 (3.0%) berpendidikan PMR dan yang lain- lain menunjukkan jumlah sebanyak 5 (5.0%).

Ringkasan statistik deskriptif untuk pembolehubah kajian adalah seperti berikut:

Jadual 5.1: Hasil analisis deskriptif

Pembolehubah	Minima	Maksima	Min	Sisihan piawai
Polisi keselamatan	3.43	5.00	4.1486	.34334
Latihan keselamatan	3.29	5.00	4.2114	.36744
JKKP	2.86	5.00	3.8457	.40998
Tahap kesedaran	3.71	5.00	4.4886	.38375

Bagi pembolehubah untuk polisi keselamatan, nilai min sebanyak 4.1486. menunjukkan purata terhadap polisi keselamatan di kalangan responden adalah tinggi. Manakala Latihan keselamatan pula menunjukkan nilai min pula mendapat nilai 4.2114 maka purata bagi pembolehubah latihan keselamatan tinggi dikalangan responden. Nilai min bagi jawatankuasa juga mencapai 3.8457 dan ini menunjukkan purata bagi jawatankuasa keselamatan dan kesihatan pekerjaan (JKKP) kepada responden adalah pada tahap yang sederhana. Pembolehubah bagi tahap kesedaran responden menunjukkan nilai min yang mendapat sebanyak 4.4886 dan menjadikan purata yang tertinggi daripada pembolehubah yang lain. Ini jelas memperlihatkan bahawa responden mempunyai tahap kesedaran yang tinggi terhadap amalan keselamatan di tempat kerja.

Pengujian Hipotesis

Bahagian ini membincangkan pengujian hipotesis kajian. Ujian hipotesis ini dilakukan dengan menggunakan bantuan program SPSS iaitu menggunakan regresi berganda. Jadual 5.2 menunjukkan ringkasan hasil kajian ujian regrasi berganda dan hasil lengkap bersama lampiran dari ujian analisis tersebut.

Jadual 5.2: Model Analisis Regresi Berganda

Pembolehubah	Koefisen	Ralat	Nilai T	Nilai p	
		piawaian			
Constant	B0	2.718	.548	4.957	.000
Polisi keselamatan	B1	.344	.117	2.948	.004
Latihan keselamatan	B2	0.59	.113	.522	.603
JKPP	B3	0.29	0.98	.255	.799

$R^2 = .117$, R^2 terlaras : 0.89, n = 3, F3,83, : 4.228 ($P=.007$)

Daripada Jadual 5.2 didapati nilai R^2 adalah .117. Ini menunjukkan pengaruh kesemua faktor Cuma 11.7 peratus sahaja. Nilai F adalah 4.228 signifikan pada 0.051, menunjukkan model faktor penentu hanya mempengaruhi tahap kesedaran secara lemah ($P<0.10$).

Hipotesis pertama, kedua dan ketiga mengkaji hubungan positif antara polisi, latihan dan JKPP dengan kesedaran. Namun cuma satu sahaja hipotesis yang signifikan iaitu polisi keselamatan iaitu 0.004 ($P < 0.001$). Dengan itu, hipotesis yang lain iaitu latihan keselamatan dan JKPP tidak disokong oleh data dalam kajian ini.

Hasil kajian ini selaras dengan Goesth (1999) dalam kajiannya menyatakan organisasi perlulah terlebih dahulu menyediakan polisi yang jelas jika ingin mempromosikan keselamatan dan kesihatan dalam kalangan pekerja kerana ini akan menunjukkan komitmen majikan dan dijadikan garis panduan dalam sesuatu program. Ini menunjukkan polisi keselamatan adalah penting kepada sesebuah organisasi bagi mengurangkan kadar kemalangan kerana dengan adanya latihan keselamatan, pekerja lebih berhati – hati semasa berada di tempat kerja.

Hasil kajian ini juga disokong oleh hasil kajian Harper & Koehn (1998) yang menunjukkan bahawa polisi keselamatan yang dijalankan keatas pekerja mampu meningkatkan kesedaran terhadap keselamatan dan kesihatan serta patuh terhadap prosedur kerja yang selamat. Durrishah et al dalam hasil kajiannya menunjukkan polisi keselamatan merupakan faktor paling dominan yang mempengaruhi tahap kesedaran staf terhadap keselamatan dan kesihatan apabila jumlah min mencatatkan skor tertinggi bagi setiap item dengan jumlah 94.7% responden.

6. KESIMPULAN

Objektif kajian ini untuk mengenalpasti faktor utama yang mempengaruhi kesedaran terhadap amalan keselamatan. Hasil kajian mendapati hanya faktor polisi keselamatan yang mempengaruhi tahap kesedaran pekerja terhadap amalan keselamatan di syarikat itu manakala faktor latihan keselamatan dan Jawatankuasa keselamatan dan kesihatan pekerjaan (JKPP) dilihat tidak mempengaruhi tahap kesedaran pekerja.

Hal ini menunjukkan masih terdapat kelemahan terhadap latihan yang disediakan oleh pengurusan keselamatan di syarikat itu dan pihak pengurusan seharusnya mengambil langkah-langkah untuk meningkatkan lagi tahap keselamatan supaya pekerja lebih sedar akan kepentingan menjaga keselamatan semasa bekerja. Seterusnya, diharapkan pengkaji pada masa akan datang akan melakukan kajian yang lebih mendalam serta terperinci tentang kesedaran pekerja terhadap amalan keselamatan di tempat kerja dan menyumbang hasil kajian dengan faktor-faktor baru yang supaya dapat meningkatkan lagi hasil kajian mereka.

Responden telah memberikan beberapa cadangan di ruangan bahagian C di dalam borang soal selidik bagi tindakan yang boleh diambil bagi meningkatkan tahap kesedaran pekerja terhadap amalan keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Cadangan yang diberikan harus dititikberatkan dalam langkah-langkah menambatkan amalan keselamatan di tempat kerja. Antara cadangan – cadangan yang diberikan adalah:

1. Memperbanyakkan program kesedaran kepada seluruh pekerja.
2. Mengambil tindakan disiplin terhadap pekerja yang melanggar arahan keselamatan semasa berada di tempat kerja.
3. Mengadakan lebih banyak latihan keselamatan kepada seluruh pekerja.
4. Menyediakan aktiviti keselamatan anjuran jabatan keselamatan dan kesihatan pekerjaan (JKPP) bagi mempromosikan tentang pentingnya amalan keselamatan di tempat kerja.

5. Menambahbaikkan polisi keselamatan yang sedia ada bagi supaya lebih difahami dan dipatuhi oleh semua pekerja.

Terdapat banyak implikasi daripada hasil kajian ini iaitu:

1) Syarikat Konsortium Logistik Berhad (KLB)

Daripada hasil kajian ini, Syarikat Konsortium Logistik Berhad (KLB) dapat mengetahui mengenai tahap kesedaran pekerja di syarikat mereka serta dapat meningkatkan tahap keselamatan dengan lebih baik lagi. Polisi keselamatan dilihat mempunyai hubungan yang signifikan dengan kesedaran pekerja terhadap keselamatan dan perkara ini perlu diambil kira dalam membuat sebarang polisi keselamatan. Latihan dan JKKP di syarikat dilihat tidak memberikan kesan kepada kesedaran pekerja terhadap keselamatan. Ini menunjukkan syarikat ini perlu menambahbaik latihan dan fungsi JKKP di syarikat ini untuk meningkatkan kesedaran tentang keselamatan di kalangan pekerja bagi mengurangkan risiko kemalangan di tempat kerja.

2) Majikan

Hasil kajian ini dapat memberikan maklumat terhadap majikan mengenai tahap kesedaran keselamatan bagi menambahbaik mutu keselamatan yang sedia ada di syarikat mereka terutama latihan dan fungsi JKKP di syarikat mereka. Polisi keselamatan dilihat amat mempengaruhi tahap kesedaran kepada keselamatan di tempat kerja dan perlu dititik beratkan oleh majikan.

3) Pekerja

Hasil kajian ini diharap dapat memberi maklumat tentang tahap kesedaran kepada keselamatan pekerja di Konsortium Logistik Berhad (KLB). Dengan mengetahui faktor-faktor yang mempengaruhi kesedaran terhadap keselamatan di tempat kerja boleh mengurangkan kadar kemalangan di syarikat tersebut.

Hasil daripada kajian ini, pengkaji mempunyai beberapa cadangan bagi meningkatkan tahap kesedaran pekerja terhadap amalan keselamatan yang digunapakai bagi mengukuhkan lagi kajian ini serta boleh menjadi panduan kepada pihak lain dalam usaha meningkatkan tahap keselamatan. Cadangan ini juga diharap dapat membantu syarikat Konsortium Logistik Berhad (KLB) dalam meningkatkan kesedaran pekerja terhadap amalan keselamatan.

Cadangan-cadangan tersebut ialah:

- a) Majikan perlu memainkan peranan yang penting dalam usaha meningkatkan tahap keselamatan pekerja di Konsortium Logistik Berhad.
- b) Mengadakan mesyuarat bagi meneliti laporan keselamatan 3 bulan sekali dengan melibatkan seluruh pekerja untuk memberi pemahaman tentang pentingnya menjaga keselamatan di tempat kerja.
- c) Semua pekerja harus saling ingat mengingati serta bersama-sama dalam menjaga keselamatan ketika berada di tempat kerja.
- d) Pegawai keselamatan perlu memperbanyakkan program keselamatan serta membaharui polisi keselamatan supaya pekerja lebih mengambil tahu dan lebih berhati-hati semasa berada di tempat kerja.

Kajian ini mempunyai batasan disebabkan perkara – perkara berikut iaitu:

1.Kekangan masa.

Kajian ini terbatas disebabkan batasan masa dimana jarak kawasan kajian dengan tempat tinggal pengkaji adalah jauh serta mempunyai komitmen kerja khusus sebagai sebagai seorang pelajar. Oleh itu pengkaji mempunyai masa yang terhad dalam mendapatkan maklumat bagi kajian ini.

2.Responden terhad

Kajian ini cuma menggunakan responden dari sebuah syarikat sahaja.

3.Pembolehkan tidak Bersandar terhad

Kajian ini cuma ambil 3 faktor yang dijangka mempengaruhi kesedaran iaitu polisi, latihan keselamatan dan JKKP sahaja.

4.Generalisasi

Hasil kajian cuma boleh digeneralisasikan kepada jenis syarikat yang sama sahaja.

5.Teori

Kajian ini tidak mengutarakan sebarang teori yang mendasari kajian ini.

6.Tiada impak tinggi

Kajian ini sekadar menguji faktor-faktor tahap kesedaran, impaknya kurang tinggi berbanding kajian yang mengkaji terus kepada risiko kemalangan.

Kajian ini telah dijalankan di syarikat konsortium logistik berhad (KLB) dan beberapa cadangan diberikan untuk kajian pada masa akan datang.

1. Mengkaji lebih banyak faktor pembolehkan tidak bersandar yang baru supaya dapat mengetahui lebih mendalam tentang kajian yang dilakukan.
2. Luaskan responden kajian untuk semua syarikat-syarikat di Malaysia secara keseluruhan maka kajian ini boleh digeneralisasikan kepada syarikat lain.
3. Mengaitkan dengan teori yang bersesuaian seperti teori agensi, teori motivasi dan teori kontigensi.
4. Kaitkan hasil kajian dengan pembolehkan bersandar yang lebih berimpak tinggi seperti kemalangan yang dijangka berlaku berbanding kajian ini cuma menguji ke atas tahap kesedaran pekerja sahaja.

RUJUKAN

- Abdul Rahim Abdul Hamid, Muhd Zaimi Abd Majid, & Bachan Singh (2008). "Causes of Acciden at Construction Sites." Universiti Teknologi Malaysia.
- Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (Akta 514).
- Emmanuel I. Akpan (2011). "Effectve Safety and Health Management Policy for Improve Performance of Organizations in Africa." Department of Business management, University of Calabar, Nigeria.
- Hapriza Ashari & Roshazlizawati Mohd Nor (2007). "Strategi Perundangan Untuk Mengurus Keselamatan dan Kesihatan Di Tempat Kerja." Universiti Teknologi Malaysia.
- Kod Amalan Keselamatan, Kesihatan dan Persekitaran untuk Sektor Pengangkutan (2007)
- Krejcie. Robert V, & Morgan. Daryle W (1970). "Determining Sample for Size Research Activities, Educational and Psychological Measurement 1970, 30, 607-610." University of Minnesto, Duluth and Texas A & M University.

- Laman Web Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (1998).
<http://www.dosh.gov.my>
- Biggs, H.C., Sheahan, V.L. & Dingsdag, D.P. (2005). "A Study of Construction Site Safety"
- Culture and Implications for Safe and Responsive Workplaces, The Australian Journal of Rehehabilitation Counselling, Vol. 1
- Mohd Najib Ghafar (2003). Reka Bentuk Tinjauan Soal Selidik Pendidikan. Skudai: Penerbit UTM.
- Ahmadon Bakri, Rosli Mohd Zin, Mohd Saidin Misnan & Abdul Hakim Mohammed, No. 1, pp. 1-8. "Occupational Safety and Health (OSH) Management Systems: Towards Development of Safety and Health Culture".
- Holt, A.S.J. (2005). Principles of Construction Safety. Oxford: Blackwell Science.
- Mohd Hanip Aspar (2007). "Tahap Pengamalan Pengurusan Keselamatan Dalam Industri Kecil Dan Sederhana." Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohamad Ismandi Wasli, 2003. "Tahap Penerimaan dan Pengaplikasian Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan dikalangan Pekerja: Satu Kajian Kes di Kilang Elektrik SHARP, Batu Pahat, Johor." Universiti Utara Malaysia.
- Noraziah, A.B (2000). "Reproduktif Hazard Di Tempat Kerja: Keselamatan Dan Kesihatan di Tempat Kerja." Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Noraini Idris (2010). "Penyelidikan Dalam Pendidikan." Malaysia. Mc Graw Hill.
- Nur Aqilah Mohamad Riza (2010). "Pematuhan Terhadap Akta OSHA 1994: Kajian Kes di Sebuah IPTS (Persepsi Pekerja)." Universiti Utara Malaysia.
- Prof Madya DR. Durishah Idrus, Hadmidah Ab. Rahman, Hapriza Ashari, Fadilah Zaini, Rossilah Jamil dan Syaharizatul Noorizwan Muktar. (2004). "Kajian Kesedaran Staf UTM Terhadap Keselamatan dan Kesihatan di Tempat Kerja". Universiti Teknologi Malaysia.
- Prof. Madya Hazani Shafie, Prof. Madya DR. Mohd Ridzuan Nordin, Tan Chee Fai dan Raihani Md. Kasim (2005). "Hubungkait Kemalangan Industri dengan Kokurikulum Kejuruteraan: Satu Kajian Fakulti Kejuruteraan Mekanikal." Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia Melaka.
- Sekaran, U. (2003). "Research methods for business: A skill building approach" (4th ed.) New York: John Wiley & Sons.
- Undang-undang Malaysia, Akta Pekerjaan 1955.
- Flynn, G. (1994). "Company Strive for Yawn-Free Safety Awareness." Personal Journal, Jun, Vol 73 Issues 7.
- Fong Chan Onn (2002). "Teks Ucapan Seminar Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Untuk Pemilik dan Penyelia Ladang Ternakan Haiwan" Kuala Lumpur: Kementerian Sumber Manusia
- Goetsch, D. L (1999). "Occupational Safety and Helath for Technologies, Engineers and Managers". New Jersey: Prentice Hall.
- Harper, R.S & Koehn, E. (1998). "Managing Industrial Contruction Safety in Southeast Texas." Journal of Contruction engineering and Management, ASCE Nov/Dec 1998, 452-457.
- Idris Md Yusof (2008) "Application Occupational Safety and Health in Industry, case study: Ccm Fertilizers Sdn Bhd"
- Ramlan Zainal Abidin (1997). "Latihan Dalam Bidang Keselamatan dan Kesan Terhadap Kesedaran Keselamatan Di Tempat Kerja: Satu Kajian Di Kilang X (M) Sdn. Bhd." Projek Sarjana Pengurusan Teknologi: Universiti Teknologi Malaysia. Tidak Diterbitkan

- Fadzli Shah Abd Aziz, Shuhymee Ahmad, Chandrakantan a/l Subramaniam & Zulkiflee Daud (2002). *“Kesedaran Pekerja-pekerja Ladang Getah dalam Aspek Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan: Satu Tinjauan.”* Kertas Kerja Seminar Kebangsaan Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia. Johor: FPPSM, UTM
- I.F. Mohd Kamar, N.S. Lop, N. Mat Salleh, S. Mamter, H.A. Suhaimi, M.A. Othuman Mydin, A.I. Che Ani. (2014). *Contractor’s Awareness on Occupational Safety and Health (OSH) Management Systems in Construction Industry.* E3S Web of Conferences 3, 01019.
- Kamus Dewan Bahasa Edisi Ketiga (2002), Dewan Bahasa & Pustaka, Kuala Lumpur.
- Hinze, J.W. (1997). *“Construction Safety.”* Columbus, Ohio: Prentice Hall
- Bahari, I. (2006). *Pengurusan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan*, Edisi Kedua. Universiti Kebangsaan Malaysia: McGraw Hill.
- Armstrong, P.T (1980). *“Fundamentals of Construction Safety. London: Hutchinson & Co. Ltd.”*
- Hassan Ali Nor Azimah Chew Abdullah Chandrakantan Subramaniam (2009) *“Management practice in safety culture and its influence on workplace injury: An industrial study in Malaysia”.*